

SOALAN NO: 372

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI

SOALAN:

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penglibatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam memanfaatkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF).

PR-1343-T76299

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Menerusi pelaksanaan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001, telah ditetapkan bagi majikan daripada sector perkilangan, perkhidmatan, dan perlombongan dan pengkuarian untuk mendaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi mendapat manfaat bantuan kewangan untuk latihan kepada pekerja-pekerja mereka.

2. Mengikut statistik pendaftaran majikan berdaftar dengan PSMB sehingga Ogos 2016 adalah 17,235 majikan dengan pekerja yang diliputi seramai 1,984,126 pekerja. Daripada bilangan majikan tersebut, 81% adalah majikan PKS iaitu seramai 13,906 majikan dengan pekerja yang diliputi seramai 541,800 pekerja.